

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SEGAMBUT)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia termasuk kanak-kanak yang terlibat dengan penggunaan dadah/penyalahgunaan bahan terlarang (*substance abuse*) sejak 2015, peratusan golongan banduan ini di penjara berbanding kategori jenayah lain, sokongan komuniti yang diberikan selepas keluar penjara dan berapa jumlah pesalah berulang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Menurut statistik Jabatan Penjara Malaysia, jumlah kemasukan banduan bagi kesalahan seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah seperti berikut:

- i) pada tahun 2015, kemasukan seramai 28,185 orang iaitu 20.3% berbanding 138, 849 jumlah kemasukan banduan;
- ii) pada tahun 2016, kemasukan seramai 32,539 orang iaitu 22.7% berbanding 143,438 jumlah kemasukan banduan;
- iii) pada tahun 2017, kemasukan seramai 35,217 orang iaitu 23.6% berbanding 149,382 jumlah kemasukan banduan;

## **SOALAN NO : 30**

- iv) pada tahun 2018, kemasukan seramai 36,499 orang iaitu 24.7% berbanding 147,735 jumlah kemasukan banduan;
- v) pada tahun 2019, kemasukan seramai 44,322 orang iaitu 26.2% berbanding 169,246 jumlah kemasukan banduan; dan
- vi) pada tahun 2020, setakat 19 Oktober 2020, kemasukan seramai 29,040 orang iaitu 25.4% berbanding 114,129 jumlah kemasukan banduan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri kini sedang menjalankan Kajian Prevalens Penagihan Dadah dan Bahan Dalam Kalangan Belia di Malaysia bagi mengkaji jumlah orang dalam kalangan belia Malaysia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan. Kajian ini telah ditauliahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah bermula pada 14 Mei 2020 bagi tempoh selama 12 bulan.

Berhadapan dengan situasi stigma masyarakat terhadap bekas banduan, Jabatan Penjara Malaysia telah berusaha melatih dan membina semula masa depan banduan agar mereka insaf, pulih, berkemahiran, mampu berdikari serta tidak mengulangi kesilapan setelah dibebaskan. Langkah ini adalah selaras dengan prinsip pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia seperintima ketetapan Peraturan 3(1)(c) Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Di samping itu, Program Pembangunan Insan iaitu modul pemulihan khusus yang telah dibina oleh Jabatan Penjara Malaysia turut menerapkan bidang kemahiran dalam fasa pemulihannya agar banduan yang terlibat menjadi sumber manusia yang produktif dan mampu menyumbang kembali kepada masyarakat. Banduan yang dibebaskan setelah selesai menjalani hukuman di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, pada masa yang sama turut diperintahkan oleh mahkamah mengikut peruntukan seksyen 38B Akta yang sama untuk menjalani program pengawasan Pegawai Pemulihan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Program pengawasan ini tidak memencarkan bekas banduan tetapi membolehkan mereka mengekalkan kepulihan dan

## **SOALAN NO : 30**

mengamalkan gaya hidup yang berkualiti. Dalam hal ini, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berkolaborasi dengan Jabatan Penjara bagi melaksanakan program persediaan untuk memberi maklumat berhubung dengan keperluan untuk hadir ke AADK Daerah sepanjang tempoh pengawasan. Fokus program pengawasan ini ialah Program Pencegahan *Relapse* yang merupakan kemahiran-kemahiran yang perlu dipelajari dan diperaktikkan oleh klien untuk mengelak dari menagih semula.

Selain itu, AADK turut melaksanakan kempen-kempen kesedaran awam kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam institusi keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. Kesemua komponen ini memainkan peranan penting sebagai kelompok sokong bantu yang dapat membantu proses integrasi dan menghapuskan stigma negatif masyarakat terhadap golongan penagih.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berhubung persoalan jumlah pesalah berulang, kadar *recidivism* banduan bagi tahun 2015 sehingga tahun 2019 adalah seperti berikut:

- a) tahun 2015 sebanyak 8.70%;
- b) tahun 2016 sebanyak 8.92%;
- c) tahun 2017 sebanyak 9.25%;
- d) tahun 2018 sebanyak 10.32%; dan
- e) tahun 2019 sebanyak 10.88%.